

**KERTAS KERJA PERSIDANGAN ANTARABANGSA
MANUSKRIP MELAYU
8-11 Ogos 2022**

**HUKUM KANUN MELAKA IBU PERLEMBAGAAN
TANAH MELAYU**

**Datuk Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi bin Wan
Husain**

Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang

Abstrak

Hukum Kanun Melaka merupakan dokumen perundangan yang penting. Namun begitu, selepas Hari Merdeka dokumen tersebut masih belum dimartabatkan di tempat sewajarnya dalam sistem perundangan Malaysia. Begitu juga halnya dengan Hukum Kanun Pahang, dan Hukum Kanun Johor sekadar menyebut beberapa nama hukum kanun. Pada hakikatnya kesemua hukum kanun tersebut merupakan undang-undang bertulis yang jatuh di bawah tafsiran undang-undang sedia ada menurut Perkara 162 Perlembagaan Persekutuan. Seringkali mahkamah kehakiman di Malaysia mengabaikan prinsip yang terkandung di dalam undang-undang bertulis tersebut sebaliknya mengimpot prinsip perundangan luar yang tidak bersifat tempatan. Kertas ini menggunakan metodologi kajian teks undang-undang bertulis untuk mengemukakan kedudukan Hukum Kanun Melaka sebagai perlembagaan watan Tanah Melayu dan cirinya dalam pentafsiran prinsip kedaulatan raja-raja Melayu. Kedaulatan raja-raja Melayu termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan prinsipnya perlu difahami untuk menguruskan banyak isu perlembagaan yang masih dibicarakan di mahkamah pada hari ini.

Kata kunci: Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, Perkara 162, undang-undang bertulis, kedaulatan Raja-raja Melayu.

PENGENALAN

Perlembagaan bukanlah suatu yang baharu diwujudkan apabila British mencampuri hal-ehwal kerajaan di Tanah Melayu. Adat Melayu sendiri mengandungi undang-undang perlembagaan. Bahkan tidak mungkin wujud sebuah negara tanpa undang-undang perlembagannya. Pada hakikatnya undang-undang perlembagaan di Tanah Melayu ada dalam bentuk bertulis dan sebahagian besarnya dalam amalan adat Melayu. Adat Melayu merupakan amalan watan Tanah Melayu dan Alam Melayu yang diistilahkan dalam bahasa perundangan sebagai "*local circumstance*".¹

Adat Melayu di sisi sistem perlembagaan tidak hanya mencerminkan tatacara kenegaraan bahkan lebih penting daripada itu menjelaskan prinsip kedaulatan Tanah Melayu. Adat Melayu mengandungi kesamaan amalan yang sedia ada, malah terdapat aspek ketidakserupaannya disebabkan faktor lokasi dan tahap pegangan pada agama Islam. Pada asasnya,

¹ Lihat seksyen 3 Akta Undang-undang Sivil 1956 (Semakan 1972).

adat Melayu sekian lama menerima ajaran Islam sebagai prinsip governan yang paling utama.²

Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah dalam Mesyuarat Dewan Negara Perak Ke-163 pada 11 April 2015 menzahirkan takrifan adat Melayu seperti yang berikut:

Setiap warga ada adatnya; ditakrifkan secara umum sebagai satu aturan cara hidup, prinsip pegangan, dan kepercayaan yang timbul daripada pemikiran lalu mempengaruhi tingkah laku. Adat ialah hukum norma yang dijunjung oleh kelompok masyarakat. Dalam bahasa Melayu lama, adat sebenarnya merujuk undang-undang yang merangkum bidang sosial, politik, ekonomi, malah undang-undang samudera. Hukum adat ialah hukum yang berlandaskan kebiasaan turun-temurun. Kerana adat itu secara konvensyen dianggap sebagai undang-

² Lihat M.Y. Hashim, 'Daulat dalam Tradisi Budaya dan Politik Kesultanan Melayu Abad ke-15 dan Awal Abad ke-16: Antara Mitos dan Realiti' (1995) 3(3) SEJARAH: Journal of the Department of History; W.A.F. Wan Husain, Kenegaraan Malaysia: Sejarah, Kedaulatan dan Kebangsaan (Perlis, Penerbit Universiti Malaysia Perlis, 2020) 1-24; M.A. Zaini (ed), Siri Titah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021) 70-71.

undang, lahir pepatah dalam masyarakat Melayu, yang sedia mati anak daripada mati adat. Pepatah “biar mati anak asalkan tidak mati adat” memperlihatkan masyarakat Melayu amat menghormati undang-undang. Undang-undang sama sekali tidak akan dikompromikan walaupun yang melakukan kesalahan itu anak sendiri.³

Adat Melayu dalam konteks perbahasan Kertas ini merupakan watan Tanah Melayu yang perlu difahami dalam ruang lingkup etnik, kumpulan etnik serta aspek peradaban meliputi bahasa, adat resam, falsafah, pemikiran, warisan, pandangan dunia, perlakuan, sifat dan sikap yang berakar umbi di Semenanjung Tanah Melayu itu sendiri, bukan selainnya. Aspek watan ialah jati diri tanah air. Lantaran, watan menjustifikasi Kesultanan Melayu Melaka sebagai premis untuk membicarakan sistem perlembagaan Tanah Melayu kerana kedudukannya sebagai pemerintah Semenanjung Tanah Melayu

³ M.A. Zaini (ed), *Siri Titah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021) M.A. Zaini (ed), *Siri Titah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021) 71.

seluas yang ada pada 31 Ogos 1957 juga kelestarian elemennya dalam Perlembagaan Persekutuan.

OBJEKTIF

Matlamat utama Kertas ini ialah mengemukakan kedudukan Hukum Kanun Melaka sebagai ibu perlembagaan watan Tanah Melayu di samping untuk mencapai objektif yang berikut:

1. Menjelaskan kedudukan Hukum Kanun Melayu sebagai adat Melayu dan undang-undang bertulis.
2. Mensistesisikan Hukum Kanun Melaka dan Hukum Kanun Pahang sebagai sebuah perlembagaan.
3. Menghuraikan pelesterian prinsip kedaulatan raja-raja Melayu sebagai pemegang amanah Allah SWT berlandaskan analisis ke atas Hukum Kanun Melaka dan Hukum Kanun Pahang.

METODOLOGI

Kertas ini menggunakan metodologi kajian teks undang-undang bertulis di Tanah Melayu sebelum Hari Merdeka untuk menyampaikan objektifnya. Bagi maksud tersebut, Hukum

Kanun Melaka⁴ dan Hukum Kanun Pahang⁵ dijadikan sumber rujukan utama.

Hukum Kanun Pahang dapat memenuhi kehendak objektif di sini kerana undang-undang bertulis itu menyamai Hukum Kanun Johor serta terpakai bagi Kerajaan Melayu Pahang, Kerajaan Melayu Johor dan Kerajaan Melayu Perak pasca Kesultanan Melayu Melaka.

Walaupun Kota Melaka ditawan Portugis pada tahun 1511, Kesultanan Melayu Melaka hanya berakhir pada tahun 1699 apabila waris putera darah keturunannya, iaitu Sultan Mahmud II mangkat dijulang. Kesultanan Melayu Melaka dan Kesultanan Melayu Johor-Riau Lingga yang menggantikannya selepas itu masih menguasai sebahagian besar wilayah taklukan Kesultanan Melayu Melaka di Tanah Melayu. Sebagai contohnya, Selangor, Sungai Ujong, Pahang, dan Terengganu masih berada di bawah pengaruh Kesultanan Melayu Johor-Riau Lingga. Manakala wilayah Perak terlebih awal diserahkan oleh Sultan Mahmud I kepada putera baginda Raja Muzaffar.

⁴ Lihat Liaw Yock Fang (pngr.) *Undang-Undang Melaka*. (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2003).

⁵ Lihat Yaakub Isa. *Hukum Kanun Pahang* (Pahang: Lembaga Muzium Negeri Pahang, 2003).

Perbandingan yang akan dibuat ke atas dua buah dokumen perundangan tersebut dapat menunjukkan aspek pelestarian prinsip kedaulatan raja-raja Melayu dan sistem perlembagaannya kerana pengaruh kedua-duanya dalam perlembagaan watan di Tanah Melayu.

ADAT MELAYU

Adat Melayu di Tanah Melayu di sisi jurisprudens tidak rendah kedudukannya dengan *English common law* dalam kerangka undang-undang England. Adat Melayu juga meliputi aspek yang dibicarakan oleh *common law* dan *constitutional convention* di England. Adat bernegara di Tanah Melayu dapat dianalisis berdasarkan dokumen undang-undang bertulis sedia ada⁶ dan amalan seperti dijelaskan dalam manuskrip Melayu. Hukum Kanun Melaka⁷ mencatatkan:

Adapun ketahuilah olehmu akan adat ini turun temurun daripada zaman Sultan Iskandar Zulqarnain datang sekarang, maka adalah ia itu akan teladan dan akan ganti raja pada hal memerintah segala adat tuannya atas segala

⁶ Lihat Perkara 162 Perlembagaan Persekutuan.

⁷ Liaw Yock Fang (pngr.) *Undang-Undang Melaka*. (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2003) 107–108.

menteri itu, maka atas dihimpunkan hukum ini atas sembilan hukum dan fasal.

Sebelum Hukum Kanun Melaka, perlembagaan awal wujud dalam bentuk tidak bertulis. Wilkinson⁸ menyatakan, *“Adat includes the laws of nature, the conventions of the society, the rules of etiquette, and even the doctrines of common sense. Adat is right action in the matters of everyday life as well as in obedience to the law of the land”*.


Menurut Jelani,⁹ “adat Melayu” itu berasal-usul daripada masyarakat yang zaman-berzaman mendiami Tanah Melayu atau Alam Melayu. Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka ialah dua buah adat Melayu yang awal, dan kedua-duanya tiada kaitan dengan adat Datuk Ketemenggongan dari Minangkabau. Beliau menyatakan undang-undang adat Melayu itu merangkumi semua naskhah yang lahir daripada adat budaya kehidupan masyarakat Melayu

⁸ Wilkinson, R.J. Malay Law. Dlm. Hooker, M.B. (Ed.). *Reading in Malay Adat Laws*. (Singapore: Singapore University Press.1970) 15.

⁹ Jelani Harun. 2008. Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu di London. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 26: 127-148.

di Alam Melayu, termasuk Aceh, Bugis dan lain-lain masyarakat yang mengamalkan adat Melayu.

Dakwaan bahawa pengaruh Hindu begitu menebal dalam politik Melayu Tua boleh disangkal kerana keturunan Sang Sapurba yang dikatakan titisan Shailendra ialah sebuah dinasti Buddha. Unsur mitos dan mistik yang disebut dalam pengisahan raja-raja itu lebih dekat dengan aspek kepercayaan atau pengaruh *sinkretistik* dan *animisme* dalam masyarakat Melayu Tua.



Peta Jambi.

Sumber: <https://sumbersejarah1.blogspot.com/2018/09/peta-jambi.html>.

Siti Hawa Haji Salleh¹⁰ menjelaskan Sang Sapurba dihubungkan dengan keturunan istimewa atau memiliki ciri ulung yang tidak berlaku pada orang kebanyakan demi untuk mengkodus dan mengabsahkan kelayakan raja-raja sebagai pemerintah. Dalam hal ini, *wa'adat* Sang Sapurba secara tuntas menjelaskan wujudnya suatu sistem perlembagaan, iaitu falsafah, doktrin dan prinsip dalam garis perhubungan antara raja dengan rakyat.

Keberadaan *wa'adat* Sang Sapurba dapat menjawab banyak persoalan mengenai ciri kedaulatan yang tidak sekadar boleh direfleksi melalui pemerhatian pada sistem politik Kerajaan Melaka Tua. Adat dalam Hukum Kanun Melaka dijelaskan sebagai warisan Sultan Iskandar Shah.

Sejarah Melayu menyatakan asal Sang Sapurba daripada anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain, bernasabkan Raja Nursyirwan Adil, Raja Masyrik dan Maghrib, dan titisan daripada Raja Sulaiman a.s¹¹ maka hukum syarak yang disebut

¹⁰Siti Hawa Salleh. 1999. Mitos dan legenda dalam konsep ke-raja-an dan kenegaraan Melayu tradisional. Dlm. Wan Hashim Wan Teh & Daniel Perret (pnys.). *Di Sekitar Konsep Negeri*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Malaysia, Ecole Francaise d'Extreme-Orient & Institut Alam dan Tamaddun Melayu.

¹¹Shellbear, W.G. (pngr.). *Sejarah Melayu*. Cet. ke-25.(Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1991) 18.

dalam *wa'adat* Sang Sapurba itu pastinya merujuk kepada undang-undang lebih awal daripada syariat Nabi Muhammad SAW. *Wa'adat* Sang Sapurba merupakan salah satu adat Melayu yang boleh dijadikan sumber rujukan perlembagaan tidak bertulis awal. *Wa'adat* Sang Sapurba itu juga menunjukkan kaedah penggubalan adat Melayu, iaitu hasil pemuafakatan raja dengan wakil rakyat jelata.

PERLEMBAGAAN

Perlembagaan menurut Hood Philip dan Jackson¹² ialah “*the system of laws, customs and conventions which define the composition and powers of organs of the state, and regulate the relations of the various state organs to one another and to the private citizen*”.

Inti pati daripada takrifan Hood Philip dan Jackson¹³ menjelaskan bahawa sebuah perlembagaan itu mengandungi ciri yang berikut:

1. Sistem undang-undang, adat dan konvensyen.
2. Komposisi dan organ pentadbiran negeri.

¹² Hood Philip & Jackson. *Constitutional and Administrative Law*. Ed. ke-8. (London: Sweet & Maxwell, 2001).

¹³ Ibid.

3. Pengagihan kuasa eksekutif antara organ pentadbiran.
4. Hubungan dengan rakyat.

Empat ciri tersebut dianalisis dalam peruntukan Hukum Kanun Melaka dan Hukum Kanun Pahang. Hukum Kanun Melaka sudah ditulis selewat-lewatnya tahun 1424, manakala Kerajaan Melayu Pahang sudah wujud semasa pemerintahan Sultan Mansor Shah Melaka. Putera Sultan Mansor Shah bernama Raja Muhammad merupakan Sultan Pahang yang pertama.

HUKUM KANUN MELAKA

Empat ciri sebuah perlembagaan dalam bentuk moden boleh dibuktikan sifatnya dalam Hukum Kanun Melaka melalui beberapa peruntukan mengikut ciri yang diajukan oleh Hood Philip dan Jackson seperti yang berikut:

Sistem undang-undang, adat dan konvensyen

Bismi llahi 'r-Rahmani 'r-Rahim. Al-hamduli 'llahi rabbi 'l-'alamin wa 'l 'aqibatu li 'l-uttaqin. Al-hamduli 'llahi rabbi 'l-'alamin, ...

Kemudian dari itu, ini satu risalah pada menyatakan hukum kanun iaitu segala negeri yang besar-besar dan pada segala raja-raja yang besar-besar dan pada ‘adatnya yang ta’luknya dan dusun supaya manfa’at atas negeri dan raja dan menteri akan memeliharanya segala ra’ayatnya ¹⁴.

Adapun ketahuilah olehmu akan adat ini turun-temurun daripada zaman Sultan Iskandar Zulkarnain datang sekarang, maka adalah ia itu teladan dan akan ganti raja pada hal memerintah segala adat tuannya atas segala menteri itu, maka atas dihimpunkan hukum ini atas sembilan hukum dan fasal.¹⁵

Lafaz *basmalah* dan *hamdalah* dalam Hukum Kanun Melaka di atas ialah perakuan bahawa Allah SWT sebagai Tuhan yang bersifat *rububiyah* menjadi akidah kepada kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Lafaz itu menjelaskan kedaulatan raja Melaka bersumberkan ajaran Islam. Peruntukan tersebut

¹⁴ Liaw Yock Fang (pngr.) *Undang-Undang Melaka*. (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2003) 107

¹⁵ Liaw Yock Fang (pngr.) *Undang-Undang Melaka*. (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2003) 107–108.

menzahirkan Hukum Kanun Melaka berobjektif untuk mengatur hal ehwal negeri dan menetapkan sistem undang-undang dan adat bagi memelihara masalah rakyatnya.

Komposisi dan organ pentadbiran kerajaan

Adapun akan segala raja-raja itu hendaklah menjadikan orang besar akan gantinya itu supaya tiada datang masyghul kepadanya lagi. Adapun pertama pada segala raja-raja menjadikan pertama bendahara, kedua menjadikan temenggung, ketiga menjadikan penghulu bendahari, keempat syahbandar, maka terpeliharalah segala raja-raja dengan ra'yatnya itu.¹⁶

Jawatan yang dinyatakan di atas perlu dilihat sebagai jabatan kerajaan, tidak bersifat peribadi semata-mata. Jawatan tersebut sudah wujud sebelum penubuhan Kesultanan Melayu Melaka, selewat-lewatnya ketika Raja Iskandar berkerajaan di Singapura lagi.

¹⁶ Ibid.

Pengagihan kuasa eksekutif antara organ pentadbiran

Adapun maka dibahagi hukum itu atas tiga bahagi. Pertama, kepada Bendahara, kedua pada temenggung, ketiga pada shahbandar. Adapun pertama hukum diserahkan kepada bendahara itu seperti hukum berjabatan dan segala tuan-tuan dan segala sida-sida dan anak orang besar-besar. Adapun akan hukum pada temenggung itu iaitu barang ada hukum negeri dan tafahus. Adapun akan syahbandar itu iaitu menghukumkan segala dagang dan anak yatim dan segala yang teraniaya dan adat segala jong dan baluk dan barang sebagainya itu.¹⁷

Pengagihan kuasa eksekutif di atas menunjukkan keperluan semasa kerana *Hukum Kanun Melaka* pada awalnya dimasyhurkan oleh Raja Iskandar dan digubal sebagai sebuah perlembagaan bertulis selewat-lewatnya pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah (1424–1444).

¹⁷ Ibid

Pembesaran struktur pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dapat dilihat dalam histografi tempatan sejajar dengan perkembangan pesat aktiviti ekonomi, perluasan jajahan takluk dan wilayah lindungannya.

Hubungan dengan rakyat

Adapun segala syarat hamba raja itu atas tiga perkara. Suatu benar pada barang af'alnya, kedua menurut titah raja itu mau ia zalim mau tiada fardu kita menurut titahnya. Ketiga ada ia mengharap ampun tuannya.¹⁸

Adapun segala raja-raja itu atas empat perkara. [Suatu perkara] Pertama ampun, kedua murah, ketiga perkasa, keempat melakukan hukumnya dengan kaharnya. Itulah sifat pada segala raja-raja itu pada zaman purbakala turun-temurun datang kepada sekarang. Inilah kanun namanya¹⁹

¹⁸ Liaw Yock Fang (pngr.) *Undang-Undang Melaka*. (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2003) 108.

¹⁹ Ibid

Dua peruntukan di atas menjelaskan tanggungjawab rakyat kepada kerajaan dan bagaimana pemerintah perlu menguruskan hal ehwal negeri dan rakyat. Kesemua empat ciri yang dinyatakan adalah menepati syarat sebuah perlembagaan moden yang dikemukakan oleh Hood Philip dan Jackson.

Status Hukum Kanun Melaka sebagai sebuah perlembagaan watan bertulis bagi Tanah Melayu selain daripada ciri yang dijelaskan di atas, diperkukuhkan dalam konteks Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah empayar Islam bertaraf nusantara yang menguasai antaranya keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu seperti pada hari ini. Hukum Kanun Melaka bukan hanya berkuatkuasa di Kota Melaka bahkan semua jajahan takluk dan negeri lindungan Kesultanan Melayu Melaka. Kesultanan Melayu Melaka meliputi semua wilayah Semenanjung Tanah Melayu, sebahagian pesisir pantai Pulau Sumatera dan Kepulauan Riau-Lingga.

Keunggulan pemerintahan, kecekapan pengurusan dan kemakmuran rakyat jelata dibuktikan melalui keamanan di dalam negara, perhubungan diplomatik antarabangsa malah status pelabuhan terkaya di dunia dalam abad ke-15 adalah bukti jelas adanya sebuah perlembagaan watan yang bersistematik;

sama ada berbentuk bertulis atau tidak, atau dalam bentuk kedua-duanya. Walaupun peruntukan berkaitan ketatanegaraan tidak membentuk bahagian terbesar Hukum Kanun Melaka, perlu difahami bahawa itulah ciri perlembagaan tempatan yang ada pada ketika itu.

Jawatan penting yang disebut seperti bendahara, temenggong, laksamana, penghulu bendahari dan syahbandar perlu dilihat dalam bingkai yang lebih besar daripada individu. Jawatan itu adalah institusi dan jabatan yang diperjelaskan melalui adat Melayu sebagaimana peruntukan Perlembagaan Persekutuan pada hari ini diperincikan melalui statut dan tafsiran mahkamah. Sistem politik yang diwarisi itu dikembang suaikan dengan keperluan pentadbiran apabila bertambahnya bilangan rakyat, kepesatan aktiviti sosial, ekonomi dan pengaruh ajaran Islam.

Ulama amat dihormati hinggakan mempunyai status sebaris dengan laksamana, temenggong dan penghulu bendahari. Majlis syura yang dipanggil Mesyuarat Bicara dianggotai oleh para pembesar bergelar dan golongan ulama. Terdapat juga jawatan qadi dan faqih dalam struktur politik Kesultanan Melayu Melaka.

Entiti di atas membuktikan sudah wujud sistem kehakiman dan pengadilan Islam dalam kerangka politik Kesultanan Melayu Melaka. Para pembesar utama seperti bendahara, temenggong dan laksamana juga mempunyai bidang kuasa hukuman. Hal itu dapat dilihat daripada syarat kelayakan para pembesar kerajaan dalam Hukum Kanun Melaka, iaitu:

...Ada pun ketahui olehmu bahwa syarat menteri itu enam perkara; pertama, menafaus salah benar rakyat; kedua tahu ia hukum; ketiga tahu ia mengambil upah; keempat menengar kata kedua pihak; kelima tahu ia budi tatkala ia menjatuhkan hukum itu dengan keras perangnya; keenam hendaklah arif kepada siasatnya dan periksanya...²⁰

Sebagai sebuah kerajaan berdaulat, Kesultanan Melayu Melaka terbukti menguatkuasakan undang-undang dengan baik berserta pelaksanaan sistem politik yang mantap, tersusun dan terkawal. Perkara itu disaksikan dengan kemakmuran Melaka

²⁰ Liaw Yock Fang (pngr.) *Undang-Undang Melaka*. (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2003) 64.

sebagai pusat penyebaran agama Islam dan pelabuhan bertaraf ‘*entreport*’ terkaya di dunia.

Duarte Barbosa²¹ menulis bahawa Kota Melaka adalah pelabuhan terkaya dengan jumlah dagangan borong terbesar, perkapalan dan perdagangan yang sungguh pesat serta boleh didapati di seluruh dunia. Kejayaan pengurusan pelabuhan didukung oleh peranan Shahbandar dan Orang Laut.

Kelangsungan aktiviti perdagangan bertaraf dunia melalui maritim sebagai kegiatan ekonomi utama Kesultanan Melayu Melaka secara terkawal, bukan sahaja berpusat di pelabuhan Melaka, bahkan lain-lain pelabuhan sepanjang Laut Melayu dan penguatkuasaan Undang-Undang Laut membuktikan Melaka sudah memiliki tata-pengurusan pelabuhan dan perdagangan yang efisien.

²¹ Duarte, B. *The Book of Duarte Barbosa*. Jil. II. (London: Hakluyt Society, 1944)

Menurut Tom Pires²² Kesultanan Melayu Melaka menjalin hubungan diplomatik antarabangsa yang meliputi Asia Tenggara, Asia Timur, Asia Selatan, Asia Barat serta negara-negara Afrika seperti Mesir dan Abyssinia.

Selaras dengan kedaulatan yang dijunjung oleh Kesultanan Melayu Melaka bersumberkan ajaran Islam, maka prinsip perlembagaannya juga dibina atas premis al-Qur'an, Sunah, ijmak dan qiyas.

Adat Melayu yang mematuhi piawaian prinsip patuh syariah diiktiraf sebagai *uruf* dan terus berstatus sebagai salah satu sumber undang-undang watan. Sistem raja berperlembagaan yang digunakan pada hari ini bukanlah suatu yang asing dalam Kesultanan Melayu Melaka. Istilah raja berperlembagaan bermaksud raja memerintah menurut perlembagaan. Amalan itu sudah ada dalam sistem pemerintahan raja-raja Melayu sejak sebelum kedatangan Islam bersyariat Nabi Muhammad SAW.

Selaras dengan kedaulatan yang dijunjung oleh Kesultanan Melayu Melaka bersumberkan ajaran Islam, maka

²² Tom Pires. *The Suma Oriental of Tom Pires in 1512–1515*. New Delhi: Asian Educational Services, 2005) 273–274

prinsip perlembagaannya juga dibina atas premis al-Qur'an, Sunah, ijmak dan qiyas.

Adat Melayu yang mematuhi piawaian prinsip patuh syariah diiktiraf sebagai *uruf* dan terus berstatus sebagai salah satu sumber undang-undang watan. Sistem raja berperlembagaan yang digunakan pada hari ini bukanlah suatu yang asing dalam Kesultanan Melayu Melaka. Istilah raja berperlembagaan bermaksud raja memerintah menurut perlembagaan. Amalan itu sudah ada dalam sistem pemerintahan raja-raja Melayu sejak sebelum kedatangan Islam bersyariat Nabi Muhammad SAW.

Meskipun seorang raja kadang-kala menggunakan budi bicara baginda dalam memutuskan sesuatu perkara, namun baginda dipandu oleh adat Melayu dan prinsip yang terkandung dalam *wa'adat* Sang Sapurba. Sebagai seorang pemerintah Islam pula, baginda wajib untuk melaksanakan keadilan menurut panduan bersumberkan al-Qur'an, al-Sunah, ijmak dan qiyas.

Prinsip perlembagaan Kesultanan Melayu Melaka menjadi lebih jelas apabila dirujuk kepada titah diraja, *inter alia*

wasiat Sultan Mansor Melaka kepada putera baginda Raja Husin:²³

Ketahuilah olehmu wahai anakku, bahawa yang dunia ini tiada kekal adanya. Yang hidup itu sedia akan mati juga sudahnya. Iman yang sempurna dan pekerti yang baik, itulah yang kekal, disebut orang selama-lamanya. Adapun peninggalanku ini, hai anakku, hendaklah engkau berbuat sabar serta adil sangat-sangat, dan jangan tamakkan harta orang, kerana makan hak sama Islam itu terlalu lah besar dosanya, tiada diampun Allah Subhanahu wata'ala, melainkan dengan izin tuannya. Dan jangan lah lagi khali engkau keluar dihadap orang, kerana segala hamba Allah banyak terserah kepadamu. Jikalau kesukaran baginya, hendaklah engkau tolong; jikalau teraniaya ia, hendaklah engkau memeriksa baik-baik, supaya di akhirat tiada diberatkan Allah atas lehermu, kerana sabda Nabi salla Allahu alaihi wassaallam; kullukum rain wa kullukum masuulun ala raiyatihi, yakni segala kamu yang membela lagi ditanyai daripada kebelaan kamu; ertinya segala raja-raja di

²³ Shellbear, W.G. (pngr.). *Sejarah Melayu*. Cet. ke-25. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1991) 126–127.

akhirat lagi ditanya Allah Taala daripada segala rakyat. Sebab demikian, maka harus berbuat adil dan saksama, supaya di akhirat jemah diringankan Allah Taala kira-kiramu. Dan hendaklah engkau muafakat dengan segala menteri dan segala orang besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun bijaksananya dan tahunya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawainya di mana akan dapat ia melakukan kebijaksanaan itu? Dan lagi tiada akan sentosa kerajaannya, kerana raja-raja itu umpama api, akan segala menteri itu umpama kayu; jikalau tiada kayu, di manakah api itu bernyala? Seperti kata Farsi, “Arayat juna bakhsanat sultan khasad” yakni rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri, demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya. Hai anakku, hendaklah engkau turut seperti wasiatku ini, supaya engkau beroleh berkat diberi Allah Subhanahu wata’ala.

Wasiat Sultan Mansor di atas amat penting kerana membicarakan prinsip sistem politik dalam historiografi

tempatan. Inti pati wasiat di atas dari sudut prinsip perlembagaan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

1. Seorang raja ialah khalifah yang bertanggungjawab kepada Allah SWT, baginda tidak mempunyai kuasa mutlak dan bebas untuk menghukum dan menggubal undang-undang sesuka hati.
2. Seorang raja hendaklah memiliki iman sempurna, pekerti baik, sentiasa mengingati mati, bersifat sabar, tidak tamak dan peka kepada masalah rakyat.
3. Kewajipan seorang raja, ialah *inter alia* untuk melaksanakan pemerintahan yang adil, saksama dan bermatlamatkan kesentosaan kerajaan.
4. Pemerintahan hendaklah dilaksanakan melalui syura dengan para menteri dan pegawai kerajaan.
5. Seorang raja hendaklah sentiasa patuh pada prinsip politik berteraskan ajaran Islam.
6. Pelantikan ganti raja dibuat oleh penyandang semasa atas persetujuan para pembesar yang beragama Islam, prinsip itu selari dengan konsep *bai'ah* dan syura dalam pengangkatan seorang khalifah.

Wasiat di atas secara umumnya menterjemahkan sistem perlembagaan yang tersirat dalam Hukum Kanun Melaka. Ciri tersebut berpaksikan kepada sumber perundangan utama Islam, iaitu al-Qur'an dan Sunah kerana kerangka kedaulatan watan dibina atas premis ajaran Islam. Titah diraja yang diistilahkan dalam Hukum Kanun Melaka sebagai “amar raja” adalah sebahagian daripada sumber perundangan Kesultanan Melayu Melaka. Titah diraja dalam bentuk wasiat di atas menterjemahkan prinsip sistem politik yang menjadi pegangan raja-raja Melayu.

HUKUM KANUN PAHANG, JOHOR DAN PERAK

Hukum Kanun Pahang, Hukum Kanun Johor dan Hukum Kanun Perak dirujuk pada undang-undang bertulis yang sama, iaitu teks Hukum Kanun Pahang versi Winstedt dan Kempe yang dikaji oleh Yaakub Isa.

Untuk membuktikan ciri-ciri perlembagaan moden sudah terkandung dalam perlembagaan bertulis bagi ketiga-tiga kerajaan Melayu atau kesultanan di atas, maka empat ciri yang sama akan disoroti satu per satu melalui petikan peruntukan berkaitan yang dihimpunkan di bawah setiap cirinya.

Sistem undang-undang, adat dan konvesyen

Al-hamdu lilahi rabbi l-'alamin, wa'l-'akibatu li'l-muttaqin wa'l-salawatu wa'l-salamu la'l- sayyidina Muhammadin wa' alihi wa-l-sahabihi ajma 'in. Waba'dahu fahadhihi'l-risala'l muhta'raza fi bayah mustalahat... al-muluk wa l-wuzara Pahang dar al-Islam, hafizahu' llah ta'ala 'an al-afat wa'l-inhidam (?) fakana bahiman fi bayah mustalahat... al-muluk wa'l-wuzara Pahang dar al-Islam, humam al-mu'azzam, al-jalil al-muhtaram, al-fadil bifadl illah, al-malik al-mu'azzam Sultan 'Abd al-Ghafur, wa badhdha 'adlahu wa-husnahu, wa-'amma fadalahu wa-alamahu wa'ala amrahu wa-sha'nahu awdaha 'ala l-'alamin birrahi wa-burhanahu, wa-atala 'umrahu wa-qawwahu.

Maka inilah surat risalat yang simpan pada menyatakan pekerjaan segala raja-raja dan segala wazirnya di dalam negeri Pahang dan Perak dan Johor daripada masa Sultan yang amat besar kerajaannya, iaitu Sultan 'Abd al-Ghafur yang dikekalkan atas kerajaannya dari dunia datang ke akhirat.

Adapun kemudian daripada itu mengucapkan syukurlah aku akan kurnia-Nya yang telah lalu lagi akan datang, bahawa dijadikan aku daripada umat kekasih-Nya Nabi Muhammad *salla' Lahu 'alaihi wa's-salam*, yang ia penghulu segala Rasul-nya, dititahkan ia kesudah- sudahan segala firman-Nya dan menaskhkan segala syari'at yang dahulu itu berbuat adil serta melakukan *amr bi'l-ma'ruf wanahi 'an il-munkar*; maka jadi teranglah segala alam dengan cahaya agamanya, sejahtera atasnya dan segala keluarganya dan segala sahabatnya dan atas kita sekalian umatnya. *Amin! Ya Rabba 'l-'alamin!*

(66) *Bismil 'Llahi 'r-Rahmani 'r-Rahim. Qala lLahu Ta'ala: Wa'ati 'u-Llahu w'a'ati 'ur-rasula wa 'uli-l-amr minkum.*

Bermula segala menteri dan sida-sida dan bala tenteranya sekalian hendaklah mengikut seperti firman Allah Ta'ala itu diturut dilakukan seperti *amara bi'l ma'ruf wa-l-nahi 'ani'l-munkar*. Itulah pekerjaan segala manteri dan segala orang yang memegang pekerjaan negeri itu.

Hendaklah kamu sekalian dari pagi duduk di balai kerana segala hamba Allah banyak diserahkan Allah kepada Raja disuruhnya kau belai kerana sabda Rasul Allah *sall'allahu 'alaihi wa-sallam*:

Qullukum raa'in wa-qullukum mas'ulun 'an ra'iyatihi; yakni “Segala kamu lagi akan ditanya daripada kau bela (rakyat) kamu.” Sebab itulah jika dapat, hendaklah disudahkan barang pekerjaannya di dalam dunia supaya kita ringan di dalam akhirat. Kerana jikalau raja adil sekalipun, jika tiada menteri dan segala orang di dalam negeri itu melakukan dia, tiada akan dapat berlakukan adil Raja itu.

Bermula jika ada Raja itu berani dan bijaksana tahu sekalipun, jika menteri dan rakyat sekalian tiada sepakat, tiada akan sentosa; seperti api jika tiada kayu, tiada akan bernyala api itu; demikian lagi Raja dan Menteri.

Bermula yang rakyat bala itu penaka bumi. Hadis: *Al-abdu tinatun min tini'l mawla*, “Yang hamba itu tanah tuannya; Jika bumi tiada, suatu pun tiadalah,” kerana kata Farsi: “*Al-ra'yyat bekh, al-Sultan darakht,*” yakni bala itu umpama akar, yang Raja itu umpama pohon kayu, karna

jikalau tiada akar pohon pun tiada dapat berdiri. Karna itulah maka aku minta kasih pada kamu sekalian, hubaya-hubaya jangan segan ke balai, *tafahhus* segala keluargamu yang bersalahan itu supaya *yaum al-kiamat* akhirnya kamu diringankan oleh Allah Taala.

Petikan peruntukan Hukum Kanun Pahang seperti di atas menunjukkan doktrin kepada sistem undang-undang dan adat Melayu begitu terserlah berlandaskan ajaran Islam dan mendukung kedudukan seorang raja Melayu sebagai pemegang amanah kedaulatan milik mutlak Allah SWT.

Komposisi dan organ pentadbiran kerajaan

Syahadan maka dijadikannya antara segala makhluknya, iaitu raja seperti firman Allah Ta'ala di dalam Quran *Inni ja ilun fi' 'ardi khalifah*. Ertinya “Bahawa sesungguhnya aku hendak menjadikan raja dalam bumi akan ganti-Ku,” yakni raja-raja itu pada mengira-ngirakan ehwal segala hambanya, ialah mengawal dia; jikalau tiada raja-raja itu, nescaya tiada akan bertentu ehwal segala rakyatnya, maka jadilah

mereka itu seperti kambing bergembala, maka dimakanlah oleh yang keras akan yang lemah. Bahawa pada orang yang tiada budiman itu adalah raja dan nabi itu umpama sebetuk cincin dua permatanya. Setelah nyatalah, bahawa raja itu pada martabat nabi, baginya mengikut *af'alnya* dan mengira-ngirakan ehwalnya segala ummatnya, maka diperbuatnya oleh raja-raja itu segala pegawainya akan dinding tiang kerajaan, maka disuruhkannya supaya dapatlah ia istirahat atas kerajaannya. Bermula dijadikan oleh segala raja itu Mangkubumi dan Menteri, maka diserahkan segala hukum dan istiadat tertib kerajaan dan ehwal segala negeri, ialah menentukan dia.

Dan dijadikannya Penghulu Bendahari, maka diserahkan segala khazanahnya, dan menyurat daftar segala hambanya dan mengira-ngira segala hasil yang naik kepadanya, dan memerintah segala pekerjaannya yang di dalam pagar istana; ialah yang menentukan segala pekerjaannya itu.

Dan dijadikannya Temenggung, maka diserahkan segala pekerjaan negeri kepadanya seperti kota, parit,

dan segala orang yang terhukum, dah disiasatnya segala ehwal pasara, seperti lorong dan pekan dan seperti sukatan dan timbangan, hendaklah genap seperti adatnya, jangan berlebih-kurang, ialah Raja pada malam mengawali segala orang yang nakal di dalam negeri, senantiasalah bertanggung pekerjaan itu atasnya.

Dan dijadikannya oleh raja-raja akan membaiki segala perintah dan menjaga-jaga. Dan dijadikannya kerah-kerahan akan menyurat daftar segala hulubalang besar dan kecil: apabila sudah tersurat daftar itu, dialah yang tahu akan bilangan mereka itu. Dan dijadikan oleh segala raja-raja itu hulubalang akan perhiasan kerajaannya dan bagi menolakkan mara bahaya Raja; ialah akan mendinding segala seteru musuh yang datang ke negerinya, dan pergantungan segala rakyatnya; atasnyalah bertanggung segala pekerjaan itu.

Dan dijadikan oleh segala raja-raja Syahbandar, iaitu raja segala dagang; maka diserahkan kepadanya segala pekerjaan kuala akan memeriksai ehwal segala perahu yang pergi datang, dan kepadanya terserah segala pekerjaan

itu. Syahadan dimenangkan oleh segala raja-raja itu akan hambanya yang karib akan ganti mata telinganya menyidik-nyidik ehwal segala tanteranya dan menanggung segala rahsianya.

Pengagihan kuasa eksekutif antara organ pentadbiran

Adapun segala raja-raja itu umpama seorang utusan yang berbuat tanaman; maka diurnya segala tanamannya itu mana-mana kesukaan hatinya, ada yang layak di tepi, ada yang layak di atas jambangan, masing-masing dihantarkan kepada martabatnya; kerana maksudnya berbuat tanaman itu akan pusaka kepada anak chuchunya serta memberi manfaat bagi dirinya, seperti bunga dengan bau-bauan, atau akan pernaungannya atau akan ubat kesakitannya: demikianlah maksudnya segala orang yang berbuat tanaman itu. Syahadan tahulah ia akan cita rasanya dan segala buahnya dan harum baunya segala bunganya telah maklumkan kepada yang empunya tanaman itu, shahadan jika dilihatnya tiada akan memberi manfaat akan dirinya, maka dibantunnya dengan ubi-akarnya,

digantinya pula dengan pokok yang lain. Demikianlah hal segala raja, seperti berbuat tanam tanaman, maka itulah faedahnya.

Adapun fakih dan segala menteri itu hendaklah mengamalkan tujuh syarat: Pertama-tama, syukur akan kurnia Allah Ta'ala dan Rasul-Nya.

Kedua, didahulukan kebaktiannya akan Allah Ta'ala daripada kebaktian akan rajanya.

Ketiga, hendaklah senantiasa cita-citanya itu menyempurnakan pekerjaan rajanya jua dengan perbuatan yang adil, dan disegerakannya segala hukum hamba Allah yang mengadukan hal kepadanya.

Keempat, hendaklah jangan bersalahan barang suatu pekerjaannya dengan dalil dan hadith; dan jangan lupa barang yang dititahkan Rajanya itu, hendaklah berhadapan nyawanya dan hatinya dan segala anggotanya mengerjakan dia.

Kelima, redalah ia pada barang halnya, kerana yang reda itu daripada perangai orang yang beberapa kesakitan dicuba Allah Ta'ala akan dia, jika ada ia sabar atas segala

bala-Nya itu, maka ditinggikannya martabatnya itu dan dipermuliai akan dia dengan sempurna kemuliaan.

Keenam, hendaklah dipenjarakannya nafsunya daripada segala perangai yang keji seperti firman Allah Ta'ala di dalam Quran: *Faman ya'mal mithqala dharratin khairan yarah, waman ya'mal mithqala dzarratin syarran yarah;* ertinya, barang siapa berbuat kebajikan, nescaya diperolehnya kebajikan jua dan barang siapa berbuat kejahatan, nescaya diperolehnya kejahatan jua balasannya itu.

Ketujuh, hendaklah senantiasa pagi dan petang ia hadir di balai Raja, dan barang siapa yang tiada, maka disuruhnya panggil dan diringankannya lidah serta dengan manis mukanya berkata-kata dengan segala mereka itu dan dipersembahkannya barang yang didapati oleh akalnyanya, dan jikalau dimurkai Raja sekalipun, kerana yang adat hamba itu sedia menanggung murka dan nista tuannya jua, maka sempurna hamba namanya; itulah perangai yang mulia pada segala raja-raja.

Ketujuh hendaklah senantiasa menatap segala yang terserah kepadanya kerana persantapan raja datang daripada

rumahnya; syahadan akan hal dunia ini tiada sekali-kali dapat dipercayai.

Kedelapan, jangan disegerakannya barang yang ada kepadanya itu.

Kesembilan, hendaklah senantiasa citanya memenuhi perbendaharaan tuannya dan menyidik-nyidik apa-apa yang kesukaan hati tuannya: maka itulah perangai yang mulia pada segala raja-raja.

Adapun Temenggung itu hendaklah mengamalkan dengan tujuh syarat: Pertama, menaruh penjurit akan memeliharaakan dirinya.

Kedua, jaga.

Ketiga, jauh penengarnya dan penglihatannya, maka hendaklah ia pada tiap-tiap hari memeriksai segala orang yang terhukum seperti rantai dan belunggu dan kongkong dan pasungan dan penjara, kerana pekerjaan itu atas nyawanya.

Keempat, jangan memandang muka-muka, supaya hasil segala pekerjaan yang dititahkan rajanya.

Kelima, hendaklah mencari kerapatan yang baik; kerana pekerjaan amat sukar.

Keenam, hendaklah ia sabar kepada barang suatu kata-kata yang didengarnya, kerana orang yang memuliakan amar tuannya itu senantiasa diumpat-umpat dan dicerca orang.

Ketujuh, hendaklah ia sepakat ketiganya.

Adapun yang hulubalang itu hendaklah ia mengamalkan empat syarat: Pertama, murah.

Kedua, menjaga segala keluarganya.

Ketiga, menghimpunkan segala tipu berperang.

Keempat, bermain pelbagai senjata, kerana yang hulubalang itu umpama seorang tabib, menilik ia pada isterinya, maka dikira-kirakan-nya dari mana datang penyakit akan dia, maka hendaklah ia mencari ubatnya, dihadirkannya akan menolakkan segala penyakit dari pada isterinya itu; maka itulah perangai yang mulia pada segala raja-raja.

Adapun Syahbandar itu hendaklah ia mengamalkan lima syarat: Pertama, hendaklah ia muafakat dengan Penghulu Bendahari kepada mengira-ngirakan segala hasil raja.

Kedua, hendaklah banyak syafakat dengan segala dagang: dagang itu makmurkan negeri dan meramaikan

bandar; jikalau tiada dagang, nescaya tiada hasil akan raja, dan manfaat akan dirinya pun berkurangan.

Ketiga, jikalau dagang itu teraniaya, maka hendaklah segera disampaikan kepada segala orang besar-besar dan kepada raja.

Keempat, menyidik-nyidik khabar yang datang dari negeri yang lain.

Kelima, disegerakan tafahhus akan segala perahu yang pergi datang dan dihadirkannya segala kelengkapan menolong segala dagang: itulah perangai yang mulia pada segala raja-raja.

Bendahari kepada mengira-ngirakan segala hasil raja.

Kedua, hendaklah banyak syafakat dengan segala dagang: dagang itu makmurkan negeri dan meramaikan bandar; jikalau tiada dagang, nescaya tiada hasil akan raja, dan manfaat akan dirinya pun berkurangan.

Ketiga, jikalau dagang itu teraniaya, maka hendaklah segera disampaikan kepada segala orang besar-besar dan kepada raja.

Keempat, menyidik-nyidik khabar yang datang dari negeri yang lain.

Kelima, disegerakan tafahhus akan segala perahu yang pergi datang dan dihadirkannya segala kelengkapan menolong segala dagang: itulah perangai yang mulia pada segala raja-raja.

Adapun Syahbandar itu hendaklah ia mengamalkan lima syarat: Pertama, hendaklah ia muafakat dengan Penghulu Bendahari kepada mengira-ngirakan segala hasil raja.

Kedua, hendaklah banyak syafakat dengan segala dagang: dagang itu makmurkan negeri dan meramaikan bandar; jikalau tiada dagang, nescaya tiada hasil akan raja, dan manfaat akan dirinya pun berkurangan.

Ketiga, jikalau dagang itu teraniaya, maka hendaklah segera disampaikan kepada segala orang besar-besar dan kepada raja.

Keempat, menyidik-nyidik khabar yang datang dari negeri yang lain.

Kelima, disegerakan tafahhus akan segala perahu yang pergi datang dan dihadirkannya segala kelengkapan menolong segala dagang: itulah perangai yang mulia pada segala raja-raja.

Bendahari kepada mengira-ngirakan segala hasil raja.

Kedua, hendaklah banyak syafakat dengan segala dagang: dagang itu makmurkan negeri dan meramaikan bandar; jikalau tiada dagang, nescaya tiada hasil akan raja, dan manfaat akan dirinya pun berkurangan.

Ketiga, jikalau dagang itu teraniaya, maka hendaklah segera disampaikan kepada segala orang besar-besar dan kepada raja.

Keempat, menyidik-nyidik khabar yang datang dari negeri yang lain.

Kelima, disegerakan tafahhus akan segala perahu yang pergi datang dan dihadirkannya segala kelengkapan menolong segala dagang: itulah perangai yang mulia pada segala raja-raja.

Hubungan dengan rakyat

Adapun kemudian daripada itu, inilah menyatakan hukum resam di dalam negeri Pahang dan Johor dan Perak yang terpakai di negeri Melayu daripada zaman dahulu kala:

(1) Bab yang pertama pada menyatakan segala yang dilarangkan oleh raja-raja iaitu segala yang kuning seperti tabir dan alasan talam dan barang sebagainya seperti perhiasan rumah kamu, melainkan segala yang lekat pada tubuh kamu seperti baju destar kamu dan barang sebagainya; dan demikian lagi emas pun seperti tetapan baju dan putar-putar emas dan rambu kain emas, dan barang sebagainya seperti perhiasan alat kerajaan. Maka barang siapa memakai dia, hukumnya dirampas. Adapun pada kaul khiyar hukum resam, dibunuh, kerana ia menyerupai alat kerajaan dan melalui amar raja-raja; dan barang siapa hendak berbuat dia, melainkan dipohonkan kepada raja, maka dapat diperbuatnya.

Adapun pada kaul hukum resam, segala yang kuning itu dapat diambilkan akan telinga tabir dan akan sibar segala pakaian lain daripada yang telah tersebut itu; pakailah oleh kamu sekalian kerana ia akan menambahi kemuliaan dan perhiasan segala raja-raja.

(23) Peri pada menyatakan hukum segala orang yang derhaka akan Raja.

Hukumnya diseksa dengan tiga ratus enam puluh bagainya. Siksa sebilang urat, maka hartanya dirampasi, anak isterinya jadi hamba raja. Maka orang itu diberi azab selama-lamanya dengan seratus empat puluh delapan bilang tulang manusia. Jikalau ia sudah mati, dibelah empat, maka dibuangkan empat daksina. Demikian lagi barang siapa syarikat dengan dia. Adapun barang siapa mendengar khabarnya, maka tiada dipersembahkannya pada Raja, hukumnya dikerat lidahnya dan dipasak kedua telinganya dan dicungkil kedua matanya, dibuangkan pada tempat yang khali. Maka hendaklah kamu sekalian, jikalau mendengar khabar yang memberi mudarat akan raja kamu, segera kamu persembahkan kepada Raja atau kepada segala orang yang karib kepada raja. Jikalau khabar itu tiada bertentu sekali pun kepada Raja, tiada akan memberi mudarat atas diri kamu.

*Wa-qad qurinati 'l-ri'salatu'l-mu'allafatu bi-ta'rikk
sanati alfa wa-arba'a min hijrati'l-nabiyyah "l-mustafa
'ala zuhuri 'l-syari'at, afdal al-salat wa'l-mulk wa'l-
tahiyyat 'ala sahibina wahiya min sanati 'l-za'ra tis'a
wa-'ishrina yauman min shahri 'l-Muharram, min
ta'lifi'l-Sultani'l- 'adil al-basil al-kamil 'Abd al-Ghafur
Muhaiyu'd-din Shah Khalifat buldan.*

(57) Peri pada menyatakan hukum orang yang derhaka
pada raja-raja yang adil.

Dinyatakan derhakanya meninggalkan dirinya pada
suatu tempat, diperbuatnya kota. Maka dipanggil disuruh
berbuat kebaktian. Jika menurut, dia diampuni; jika tiada ia
menurut, hendak melawan serang, dilawan berperang. Jika
ia kembali hendak berbuat kebaktian pada Raja itu,
diampuni.

Bermula tiada harus dibunuh mereka itu segala yang
tiada melawan mereka itu dan tiada harus ditawan jangan
ditambahi luka mereka itu dan jangan dirampas hartanya
segala mereka itu.

Soroton yang dibuat tentang sistem perlembagaan Kesultanan Melayu Melaka dan kerajaan Melayu selepasnya menjelaskan bagaimana Islam berkedudukan sebagai agama dan undang-undang watan tanah air. Islam sebagai agama watan bagi Kesultanan Melayu bukanlah disebabkan oleh gelaran bayangan Allah di atas bumi semata-mata.²⁴

Islam berkedudukan tempat yang paling tinggi dalam sistem politik tradisional Melayu kerana konsep kedaulatan bersumberkan ajaran Islam diterima menjadi pegangan falsafah dalam teks undang-undang bertulis yang sehingga hari ini masih diiktiraf dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 162, iaitu undang-undang sedia ada dan di bawah tafsiran undang-undang di bawah Perkara 160(2).²⁵

²⁴ Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2021. *Watanic Jurisprudence: Articulating The Legitimate Elements Of The Basic Structure Of The Federal Constitution*. *IIUM Law Journal*, 29(1), 1-28.

²⁵ Ibid.

PENEMUAN

Hukum Kanun Melaka dan Hukum Kanun Pahang menemukakan aspek penting dalam perkembangan perlembagaan dan sistemnya. Kedua-duanya sudah wujud dalam bentuk bertulis dan memenuhi empat ciri sebuah perlembagaan berbentuk moden.

Walaupun Hukum Kanun Melaka dan Hukum Kanun Pahang tidak hanya mengandungi undang-undang perlembagaan, namun apa yang ingin dikemukakan di sini cukup jelas bahawa kedudukannya sebagai sebuah undang-undang bertulis tidak boleh dipertikai. Selain itu, kedua-dua buah undang-undang bertulis itu didapati menunjukkan aspek yang berikut:

1. Adat Melayu yang dikuatkuasakan dalam sistem politik tradisional Melayu.
2. Hukum Kanun Pahang ternyata mengekalkan ciri perlembagaan yang termaktub dalam Hukum Kanun Melaka.
3. Peruntukan dalam Hukum Kanun Pahang mengandungi amalan, serta perkembangan daripada Hukum Kanun Melaka.

4. Mengekalkan kedudukan raja-raja Melayu sebagai pemegang amanah kedaulatan milik Allah SWT.
5. Prinsip syura yang terkandung dalamnya amalan nasihat sudah sehati dalam sistem politik tradisional Melayu.

KESIMPULAN

Wa'adat Sang Sapurba ialah *bai'ah* yang menunjangi sistem politik dalam masyarakat Melayu Tua. Apabila raja Melaka menganut agama Islam, penjernihan adat Melayu daripada unsur yang bercanggah dengan ajaran Islam berlaku secara berperingkat demi peringkat. Sistem politik watan yang dijernihkan oleh ajaran Islam diasimilasikan dalam masyarakat Melayu sehingga mentransformasikan adat Melayu itu sendiri. Adat Melayu lama-kelamaan diterima dalam bentuk yang tidak bercanggah dengan al-Qur'an dan al-Sunah serta termaktub dalam undang-undang bertulis.

Hukum Kanun Melaka ibu perlembagaan watan yang mendaulatkan prinsip patuh syariah. Sistem politik tradisional Melayu yang diwarisi merupakan adat Melayu dan sistem tersebut kekal terpelihara dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan.

RUJUKAN

- Akta Undang-undang Sivill 1956 (Semakan 1972)
- Duarte, B. *The Book of Duarte Barbosa*. Jil. II. (London: Hakluyt Society, 1944)
- Hood Philip & Jackson. *Constitutional and Administrative Law*. Ed. ke-8. (London: Sweet & Maxwell, 2001).
- Jelani Harun. 2008. Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu di London. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 26: 127-148.
- Liaw Yock Fang (pngr.) *Undang-Undang Melaka*. (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, 2003).
- M.A. Zaini (ed), *Siri Titah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021)
- M.Y. Hashim, 'Daulat dalam Tradisi Budaya dan Politik Kesultanan Melayu Abad ke-15 dan Awal Abad ke-16: Antara Mitos dan Realiti' (1995) 3(3) *SEJARAH: Journal of the Department of History*.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- Shellbear, W.G. (pngr.). *Sejarah Melayu*. Cet. ke-25.(Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1991)
- Siti Hawa Salleh. 1999. Mitos dan legenda dalam konsep kerajaan dan kenegaraan Melayu tradisional. Dlm. Wan Hashim Wan Teh & Daniel Perret (pnys.). *Di Sekitar Konsep Negeri*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Malaysia, Ecole Francaise d'Extreme-Orient & Institut Alam dan Tamaddun Melayu.
- Tom Pires. *The Suma Oriental of Tom Pires in 1512–1515*. New Delhi: Asian Educational Services, 2005) 273–274
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Kenegaraan Malaysia: Sejarah, Kedaulatan dan Kebangsaan (Perlis, Penerbit Universiti Malaysia Perlis, 2020)
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2021. *Watanic Jurisprudence: Articulating The Legitimate Elements Of The Basic Structure Of The Federal Constitution*. *IIUM Law Journal*, 29(1), 1-28.

Wilkinson, R.J. Malay Law. Dlm. Hooker, M.B. (Ed.). *Reading in Malay Adat Laws*. (Singapore: Singapore University Press.1970)

Yaakub Isa. Hukum Kanun Pahang (Pahang: Lembaga Muzium Negeri Pahang, 2003).